

Kawalan Ibu Bapa terhadap Anak-Anak dalam Penggunaan Media Sosial

Parental Control Over Children in the Use of Social Media

SUHANIYA KAL AISILVEN & MOHAMAD FAUZI SUKIMI

ABSTRAK

Media sosial menjadi sebahagian dalam hidup manusia terutamanya generasi muda kini sehingga menyebabkan isu ketagihan media sosial. Isu ketagihan media sosial terutamanya dalam kalangan kanak-kanak semakin meningkat dan didapati isu ini dapat diatasi dengan adanya kawalan sosial oleh ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media sosial. Oleh itu, kajian ini telah dijalankan untuk melihat sejauh mana pengetahuan, pemahaman dan tahap pendidikan ibu bapa memberi kesan ke atas kawalan sosial ibu bapa dalam mengawal penggunaan media sosial anak-anak. Kajian ini pertama, mengkaji pengetahuan ibu bapa terhadap penglibatan anak-anak di media sosial dengan kawalan sosial. Kedua, mengetahui hubungan pemahaman ibu bapa dari sudut positif dan negatif dengan kawalan sosial. Kajian ini juga mengkaji tahap pendidikan ibu bapa dengan kawalan sosial. Dapatan kajian dikumpul daripada 100 sampel ibu bapa yang dipilih secara rawak sistematik di kawasan kajian di Taman Seksyen 5, Bandar Rinching menggunakan kaedah survei. Hasil kajian menunjukkan ibu bapa mempunyai pengetahuan tentang penglibatan anak-anak di media sosial dan pengetahuan ibu bapa mempengaruhi kawalan sosial ibu bapa terhadap anak-anak. Seterusnya, hubungan antara pemahaman positif ibu bapa terhadap media sosial dengan kawalan sosial adalah negatif manakala, pemahaman negatif ibu bapa terhadap media sosial dengan kawalan sosial menunjukkan hubungan yang signifikan. Tahap pendidikan ibu bapa juga mempengaruhi kawalan sosial. Keseluruhannya, pengetahuan ibu bapa tentang penglibatan anak-anak di media sosial, pemahaman tentang media sosial dan tahap pendidikan ibu bapa juga mempengaruhi kawalan sosial ibu bapa terhadap anak-anak dalam menggunakan media sosial.

Kata kunci: Media sosial; kawalan sosial; pemahaman; pengetahuan; pendidikan

ABSTRACT

Social media is part of human life, especially to the younger generation. This has led to social media addiction issues. Social media addiction issues among children are increasing and these issues can be addressed by social control of parents towards children in the use of social media. Thus, this study has been conducted to see how the knowledge, understanding, and parent's education level affect the social control of parents on the uses of social media among children. This study firstly conducted to examine parents' knowledge of children's involvement in social media. Secondly, is to determine the relationship of parents understanding from a positive and negative angle of social control usage. This study also examines the parent's educational level and social control. The findings collected through systematic random from 100 parents' samples from Taman Section 5, Bandar Rinching using survey methods. The results showed that parents have knowledge of children involved in social media usage. The relationship between parent's positive understanding of social media usage and social control is not significant. On other hands, parent's negative understanding of social media usage and social controls showed a significant relationship. Parent's education level is influencing parental social control. Moreover, parents aware of their children act in social media. Therefore, conclude that parent's knowledge of children involved in social media usage, understanding of social media and parent's education level affecting the parental social control over children in the usage of social media.

Keywords: Social media; social control; understanding; knowledge; education

PENGENALAN

Perkembangan *Information and Communication Technology* (ICT) telah mewujudkan *Web 2.0*. Dimana, pengguna boleh berinteraksi dan berkongsi maklumat (Victor 2014). Penciptaan gajet seperti laptop, telefon pintar, tablet yang lengkapi perkhidmatan internet yang telah membuka peluang untuk pengguna mengakses *Web 2.0* seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *Blog*, *Youtube* dengan lebih mudah. Dianggarkan Asia Tenggara mempunyai 644.1 milion pengguna internet dan 305.9 milion adalah pengguna aktif media sosial (We Are Social 2017). Data statistik daripada Jabatan Statistik Negara menyatakan 80.1% individu yang berumur 15 tahun dan ke atas mempunyai kemudahan internet yang peratusannya telah meningkat berbanding tahun 2015. Di mana, 86.3% adalah pengguna sosial media. Penggunaan internet domistik meningkat daripada 70.1% pada tahun 2015 kepada 85.7% pada tahun 2017 (Department of Statistics Malaysia 2018). Kajian oleh Malaysian Communications and Multimedia Commission mendapati 83.2% adalah pengguna internet adalah kanak-kanak yang berumur 5 hingga 17 tahun. Malah, 93% pengguna internet kanak-kanak ini menggunakan *smartphone* untuk akses komunikasi teks, media sosial, mendapatkan maklumat dan menonton video (MCMC 2017). Lingkungan umur pengguna internet kanak-kanak pada tahun 2017 telah menurun kepada umur yang lebih muda berbanding tahun 2015 (MCMC 2015).

Maka tidak dapat dinafikan internet adalah keperluan kepada manusia hari ini terutama kanak-kanak. Pekembangan internet juga mewujudkan penciptaan media sosial yang menjadi suatu agen sosialisasi baru kepada manusia. Namun, penggunaan internet tanpa kawalan menyebabkan isu ketagihan internet. Ketagihan internet terbahagi kepada lima jenis iaitu ketagihan *net compulsions*, ketagihan seks siber, ketagihan hubungan siber, ketagihan komputer dan ketagihan melayari web (Addictions 2016). Ketagihan internet terutamanya media sosial telah menyebabkan implikasi negatif terhadap kanak-kanak seperti buli siber, *sexting*, pornografi, kesihatan fizikal dan mental. Bagaimanapun, isu ini dapat dielakkan sekiranya, terdapat kawalan sosial yang efektif. Sehubungan itu, ibubapa memainkan peranan penting dalam mengawal aktiviti sosial anak-anak dalam penggunaan media sosial. Ikatan dan kawalan ibu bapa mempengaruhi tingkah laku delinkuens remaja Zakiyah & Ismail (2004). Malah, gaya didikan dan ikatan perhubungan

ibu bapa penting dalam mengawal risiko internet terhadap anak-anak serta membantu mengurangkan isu ketagihan internet (Leung and Lee 2012; Bhagat & Sehgal 2011).

Oleh yang demikian, dapat diduga bahawa ketagihan internet dalam kalangan anak-anak boleh dikurangkan dengan adanya kawalan sosial ibu bapa. Pada masa yang sama, dapat diduga bahawa terdapat faktor yang mempengaruhi pembentukan kawalan sosial ibu bapa untuk mengatasi isu ketagihan internet dalam kalangan anak-anak. Oleh yang demikian, kajian ini mengkaji empat objektif utama iaitu, (1) Mengenalpasti tahap pengetahuan ibu bapa tentang penglibatan anak-anak dalam media sosial. (2) Meneliti hubungan pemahaman ibu bapa tentang kesan positif media sosial dengan kawalan sosial. (3) Meneliti hubungan pemahaman ibu bapa tentang kesan negatif media sosial dengan kawalan sosial. (4) Menganalisis tahap pendidikan ibu bapa dan hubungannya dengan kawalan sosial ibu bapa.

HIPOTESIS KAJIAN

HIPOTESIS 1

H_a : Terdapat hubungan antara pemahaman ibu bapa tentang kesan negatif penggunaan media sosial terhadap anak-anak dengan kawalan sosial

H_0 : Tidak terdapat hubungan antara pemahaman ibu bapa tentang kesan negatif penggunaan media sosial terhadap anak-anak dengan kawalan sosial

HIPOTESIS 2

H_a : Terdapat hubungan antara pemahaman ibu bapa tentang kesan positif penggunaan media sosial terhadap anak-anak dengan kawalan sosial

H_0 : Tidak terdapat hubungan antara pemahaman ibu bapa tentang kesan positif penggunaan media sosial terhadap anak-anak dengan kawalan sosial

METOD DAN KAWASAN KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif, iaitu, menggunakan instrumen borang soal selidik bagi mengumpulkan data daripada responden. Borang soal selidik digunakan berdasarkan kesesuaian untuk mendapatkan data daripada responden di lapangan

bagi mendapatkan maklumat sebenar mengenai isu dan permasalahan mengenai ketagihan media sosial dan kawalan ibu bapa di kawasan kajian. Soal selidik mengandungi 59 item yang dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu A, B, C, D dan E. Setiap item diikuti dengan 5 pilihan skala Likert yang berbeza dari 1 (sangat tidak setuju); 2 (tidak setuju); 3 (tidak pasti); 4 (setuju) dan 5 (sangat setuju). Item-item ini dianalisis menggunakan kolerasi spearman dan crosstab. Seramai 100 orang responden, iaitu 66 peratus daripada wanita dan 34 peratus lelaki telah dipilih sebagai responden kajian ini. Jumlah responden yang dipilih adalah bersandarkan kepada persampelan rawak sistematik iaitu sampel-sampel yang dipilih daripada satu senarai dengan memilih sampel pada giliran K (Parmjit Singh 2012). K ditentukan melalui bilangan populasi dan sebuah senarai dan dibahagikan dengan sampel yang dikehendaki untuk sesebuah kajian. Responden dipilih mengikut nombor rumah di kawasan kajian. Kawasan kajian mempunyai 818 buah rumah dan setiap rumah mempunyai probabiliti yang sama untuk dipilih dan diedarkan borang soal selidik oleh pengkaji. Rumah yang pertama dipilih secara rawak dan rumah seterusnya dipilih dengan interval lapan sehingga mendapat 100 rumah. Rujukan data sekunder digunakan ialah artikel jurnal, kertas persidangan dan buku-buku ilmiah yang berkaitan untuk mengukuhkan hujah hasil dapatan kajian. Kajian ini dilakukan di taman perumahan di Bandar Rinching Seksyen 5, Semenyih, Selangor.

SOROTAN KARYA

Isu ketagihan internet adalah satu isu global yang dihadapi oleh negara dunia dan memberi impak yang mendalam kepada perkembangan generasi muda. Di serantau Asia, negara yang sering kali dikaitkan dengan isu ketagihan internet ialah Korea Selatan, China dan Jepun. Oleh itu, di bahagian ini telah dibincangkan isu semasa tentang ketagihan internet dan kawalan ibu bapa terhadap anak-anak di Korea Selatan, China Jepun dan Malaysia.

KOREA SELATAN

Korea Selatan yang menduduki tangga pertama sebagai negara yang mempunyai sambungan internet yang paling laju berbanding negara seperti Norway, Hong Kong, Finland, Singapore, United States, Japan dan Denmark di peringkat dunia. Kelajuan internet di Korea Selatan ialah 28.6

mpbs (David Belson 2017). Kewujudan *PC bangs* atau pusat internet 24 jam merupakan salah satu faktor menyumbang kepada isu ketagihan. Pasaran *gaming* atau permainan video yang semakin berkembang adalah suatu sektor perniagaan yang menguntungkan di Korea Selatan. Di mana, Korea Selatan telah menduduki tangga keenam dengan jumlah pemain kira-kira 25.6 juta yang membelanjakan 4.2 bilion dolar untuk *gaming* sahaja pada tahun 2017 (Newzoo 2017). Seiring dengan perkembangan penggunaan internet, isu ketagihan internet di negara ini turut meningkat. Dilaporkan di Taegu, seorang lelaki berumur 28 tahun ditemui mati kerana bermain *videoStarcraft* secara berterusan selama 50 jam dan punca kematian Lee adalah kegagalan jantung berfungsi akibat keletihan (BBC 2005). Selain itu, sepasang suami isteri ditahan kerana membiarkan bayi mereka mati akibat malnutrition kerana mereka ketagih permainan video dalam talian atau *online gaming* di *PC bangs* dan didapati sering meninggalkan bayi mereka bersendirian tanpa penjagaan sehingga lewat malam (Andrew Salmon 2010). Terdapat juga kes cubaan membunuh oleh seorang remaja terhadap adiknya sejurus selepas bermain permainan video unsur keganasan kerana menghadapi keliruan sehingga menganggap adiknya sebagai musuh dalam permainan tersebut (Andrew Doan & Brooke Strickland 2015).

Sehubungan itu, dalam mengatasi isu ketagihan ini Korea Selatan memperkenalkan perundangan baru yang dikenali sebagai *Cinderella Law* atau *Shutdown Law* pada 2011. Perundangan ini melarang kanak-kanak yang berumur 16 dan ke bawah bermain permainan video dalam tempoh waktu 12 tengahari sehingga pukul 6 pagi. *Online gamer's* perlu mendaftar akaun mereka menggunakan nombor pengenalan diri mereka (CGI 2016). Di samping itu, Korea telah mengambil langkah insentif dengan menyediakan pusat pemulihan ketagihan internet kepada golongan kanak-kanak dan remaja yang terjebak dalam ketagihan tersebut. National Information Society Agency (NIA) telah menuahkan pusat ketagihan internet pada tahun 2002 untuk promosikan cara penggunaan internet dan telefon pintar yang betul kepada individu yang menghadapi masalah gagal mengawal diri mereka dalam penggunaan media tersebut. NIA mempunyai pelbagai cawangan pusat rawatan ketagihan internet di seluruh Korea seperti di Busan, Jeollabuk-do (daerah Jeolla Utara) yang di bawah pengurusan kementerian Pentadbiran Awan dan Keselamatan dan 11 lagi cawangan di Daegu, Daejeon, Gwangju,

Gangwon dan Jeju (IAPC 2016). National Center of Youth Internet Addiction Treatment di Muju yang juga merupakan kawasan pergunungan desa menawarkan perkhidmatan kaunseling untuk kanak-kanak yang menderita akibat ketagihan teknologi. Rawatan selama tempoh satu hingga empat minggu yang menyediakan pelbagai aktiviti seperti permainan tenis, mendaki, membaca, muzik dan pelbagai aktiviti lain tidak melibatkan gajet. Hampir 5000 remaja dilaporkan menghadiri kem pemulihian ini sejak tahun 2015 (UCKY 2016).

CHINA

China mempunyai 731 juta pengguna Internet sehingga Disember 2016. Kadar penembusan Internet mencapai 53.2%, naik 2.9 mata peratusan berbanding tahun 2015. Manakala, sehingga Disember 2016, jumlah pengguna Internet telefon pintar di China mencapai 695 juta, mewakili peningkatan sebanyak 75.5 juta dari akhir tahun 2015. Pengguna telefon pintar adalah 95.1% daripada jumlah penduduk China (CNNIC 2017). Ketagihan internet di China berpaksi kepada ketagihan permainan video dalam talian yang membolehkan pemain berinteraksi dan bermain games melalui *avatar* pilihan mereka di permainan video tersebut. Dilaporkan seorang remaja berusia 19 tahun nekad memenggal tangannya sendiri selepas dia mengalami ketagihan internet yang eksesif (Paul Gaita 2015). Terdapat juga kes kematian, iaitu seorang lelaki bernama Hsieh dilaporkan meninggal dunia akibat serangan jantung ketika bermain *video game Binge* selama 3 hari berturut-turut. Kematiannya hanya disedari selepas mayatnya mula berbau kerana pemain-pemain lain di siber kafe tersebut sibuk bermain *video game* mereka (Allie Conti 2015). Selain itu, dilaporkan juga seorang lelaki leka bermain permainan video berterusan selama 20 jam di kafe internet menyebabkan dia mengalami strok dari bahagian pinggang (Tracy 2018).

Dalam mengatasi isu ketagihan ini, China telah memperkenalkan rawatan pemulihian ketagihan internet. Pusat rawatan ketagihan yang pertama terletak di Daxing, Beijing. Peserta rawatan ketagihan internet ini perlu menjalani rawatan selama tiga hingga empat bulan. Rawatan di pusat ini melibatkan rawatan terapi, perubatan dan latihan fizikal ketenteraan juga dijalankan (Shosh Shlam 2014). China, sebagai sebuah negara yang mengawal ketat jaringan internet mereka. China memperkenalkan beberapa perundangan

untuk mengawal dan menghadkan pengaksesan laman sosial atau laman web yang dianggap tidak sesuai yang mampu memberi impak negatif kepada masyarakat tempatan. Great Firewall dan Golden Shield Project diperkenalkan untuk menyekat laman media sosial dan laman web yang mengandungi maklumat yang palsu yang boleh menyebabkan masalah dalam masyarakat, pronografi dan sebagainya. Laman sosial popular seperti Facebook, Youtube, Twitter, Instagram dan laman organisasi yang besar di dunia seperti New York Times disekat (Orlando Crowcroft 2016). China menyediakan platform media sosial tersendiri untuk rakyatnya seperti Weibo, QQ, WeChat, QZone, Ren Ren (RedHerring 2015). Pada 2016, lima aplikasi milik China yang paling popular digunakan ialah Wechat, QQ, Taobao, Mobile Baidu dan Alipay (CNNIC 2017).

JAPAN

Isu ketagihan internet di Jepun berpunca daripada peningkatan ketagihan permainan video dalam talian atau *online gaming*. Budaya yang mementingkan perhubungan atau *bonding addiction* menyebabkan isu ketagihan internet terus meningkat. Media sosial menjadi alat perhubungan yang penting di Japan untuk berhubung dengan kenalan mereka tanpa halangan. Pelajar Japan dikehendaki membalaas sebarang *post* atau mesej di kumpulan kelas mereka (*chatting groups*) serta merta dan jika, seseorang itu didapati tidak menyertai sebarang aktiviti di kumpulan tersebut akan disisihkan dan juga dibuli (Hashimoto Yoshiaki 2013). Keadaan di Jepun bertambah parah apabila bermula era telefon pintar yang membolehkan mereka mampu membalaas bila-bila masa, di mana sahaja.

Ketagihan internet yang semakin meningkat juga menyebabkan berlaku pelbagai isu sosial di Jepun seperti isu *Hikikomori*. *Hikikomori* adalah istilah yang digunakan terhadap seseorang yang tidak mahu membentuk hubungan dengan manusia. Di Jepun dianggarkan terdapat 120 000 hikikomori pada tahun 2013. Seseorang individu yang merupakan *Hikikomori* hanya ingin menjadi *anonymous* di alam maya. Isu ini menyebabkan ramai pelajar sekolah gagal menghabiskan alam persekolahan kerana mereka tidak boleh berkomunikasi di dunia realiti secara bersemuka tetapi hanya pandai berkomunikasi di media sosial.

Dalam mengatasi isu ini, kerajaan Jepun telah mewujudkan sekolah di dunia maya yang dikenali sebagai *cybernation school* atau sekolah siber

yang membolehkan *Hikikomori* menghabiskan alam persekolahan mereka di alam maya (Gadget 2014). Kerajaan Jepun juga melancarkan program khas yang dikenali sebagai *Digital Detox*. Di mana, individu yang menyertai program ini tidak boleh membawa gajet mereka dan akaun sosial media mereka juga diboleh digunakan. Digital Detox ini diadakan selama 2 hari 1 malam sekali setiap bulan dengan peserta seramai 10 hingga 20 orang di Kushunada. Program ini menyediakan aktiviti di dalam dan aktiviti luar seperti upacara minum tea, meditasi, aktiviti sukan di pantai, spa, penggembira solo dengan peta dan pelbagai aktiviti kepada para peserta (May Masangkay 2014). Pusat kaunseling Futoko Shien di Nagoya menerima 327 panggilan individu untuk menjalani kaunseling terhadap ketagihan permainan dalam talian atau *online gaming*. Zenkoku web kaunseling Kyogikai, pusat pertubuhan di seluruh negara menerima 150 panggilan kaunseling untuk ketagihan internet (Japan Times 2012). Hospital Kebangasaan Kurihama dan pertubuhan Pusat Ketagihan Kanagawa telah menjalankan kajian pada tahun 2008 telah menganggarkan 2.71 milion dewasa menghadapi ketagihan internet. Pada Julai 2011, pusat rawatan ketagihan internet telah dibuka dan 400 orang telah menghubungi pusat tersebut dan lebih 150 rawatan telah dijalankan (Japan Times 2013).

MALAYSIA

Isu ketagihan internet di Malaysia mungkin sesuatu yang masih baru dan kurang diberi perhatian. Namun begitu, tidak dapat dinafikan Malaysia mempunyai generasi muda yang menghadapi ketagihan internet. Di Malaysia, ketagihan internet tertumpu kepada jaringan media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *Youtube*, *Whatsapp* berbanding negara-negara lain seperti Korea Selatan dan China. Dilaporkan lebih 20.1 juta rakyat Malaysia dilaporkan menggunakan internet dan 16.8 juta daripadanya adalah rakyat Malaysia yang aktif menggunakan media sosial (Bernama 2015).

Kajian Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia terhadap 3607 sample. Kajian ini mendapati pengguna internet adalah bermula 8 hingga 19 tahun sebanyak 15.5% manakala pengguna internet 20-49 sebanyak 77.2%. Kajian ini mencatatkan pelajar universiti dan kolej 62.5%, pelajar sekolah menengah 34.9% dan 2.4% pelajar sekolah rendah adalah pengguna aktif internet.

Tujuan penggunaan internet paling tinggi 88.2% adalah akses kepada pencarian maklumat dan 87.1% adalah bertujuan akses kepada media sosial. 86.8% rakyat Malaysia mempunyai akaun *Facebook* dan akaun sosial media lain seperti *Instagram* 48.4%, *Twitter* 22.7% dan *Google+* 14.2% iaitu sosial media mencapai kedudukan kedua tertinggi di negara ini (SKMM 2014). Kajian terbaru oleh Malaysian Communications and Multimedia Commission mendapati 83.2% adalah pengguna internet adalah kanak-kanak yang berumur 5 hingga 17 tahun (MCMC 2017).

Isu ketagihan internet di Malaysia membawa kepada pelbagai masalah sosial seperti *pornography*, Seks dan masalah mental. Kanak-kanak didapati sering terdedah kepada bahan unsur lucu di internet yang menyebabkan peningkatan ketagihan seks bawah umur. Menurut laporan Kajian Penduduk Dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM) 2014, remaja Malaysia sebanyak 60.8% terdedah kepada bahan lucu berunsur seksual daripada internet (LPPKN 2014). Selain itu, ketagihan internet juga menyebabkan peningkatan masalah buli siber. Didapati 53.5% rakyat Malaysia adalah pembuli berbanding menjadi mangsa buli (Yuen, May Lee & Clarissa Say 2018). Selain itu, isu ketagihan media sosial juga menyebabkan masalah mental dan kemurungan. Timbalan presiden Science Addiction University Malaya Specialist Centre Prof Dr. Muhammad Muhsin Ahmad Zahari menyatakan sejak tahun lepas beliau telah merawat lima pesakit yang ketagih internet terutama permainan dalam talian yang berumur 14 hingga 26 tahun. Ramai rakyat Malaysia didapati tidak sedar mereka mempunyai masalah ketagihan terutamapeminat *online gaming* dan jika tidak dirawat, ketagihan ini boleh menjadi satu penyakit (Loh Foon Fong, Justin Zack & M. Kumar 2016).

KAWALAN SOSIAL

Faktor ibu bapa memberi kesan yang tinggi ke atas pembentukkan tingkah laku anak-anak mereka berbanding faktor media (Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali 2011). Di mana, tidak dapat dinafikan bahawa gaya didikan ibu bapa sangat penting dalam mengatasi isu ketagihan internet dalam kalangan remaja (Leung & Lee 2012). Kajian ini menyimpulkan bahawa, ketegasan didikan ibu bapa menyebabkan risiko anak-anak menghadapi masalah ketagihan internet berkurang. Di samping itu, didapati gaya didikan

ibu bapa atau *parenting style* mempunyai impak secara tidak langsung terhadap risiko ketagihan internet dalam kalangan anak-anak (Kalaitzaki & Birtchnell 2014). Menurut Soh Patrick & Charlton (2014), dua boleh ubah iaitu hubungan ibu bapa dan hubungan rakan sebaya dengan hiburan di internet, interaksi sosial di internet, motivasi penggunaan internet untuk melihat kandungan erotik, motivasi untuk melarikan diri. Hasil analisis kajian mendapat hubungan baik antara ibu bapa dengan remaja telah menyebabkan isu peningkatan hiburan di internet, motivasi penggunaan internet untuk melihat kandungan erotik dan motivasi untuk melarikan diri semakin berkurang dalam kalangan remaja. Manakala, hubungan baik antara rakan sebaya dengan remaja menyebabkan isu peningkatan hiburan di internet, interaksi sosial di internet dan motivasi untuk melarikan diri semakin meningkat. Selain itu, kajian ini juga mendapat hubungan ibu bapa dengan ketagihan internet adalah negatif iaitu dapat disimpulkan bahawa hubungan lemah ibu bapa dengan anak-anak, menyebabkan isu ketagihan internet dalam kalangan anak-anak meningkat manakala, hubungan dengan rakan sebaya tidak memberi kesan ke atas peningkatan ketagihan internet.

Kajian Lee & Kim (2017) mendapat ibu bapa di Korea Selatan tidak mempunyai pengaruh dalam mengurangkan ketagihan *gaming* dalam kalangan anak-anak mereka. Malah, didapati ibu bapa tidak menekankan atau mengambil perhatian terhadap anak-anak mereka tentang ketagihan mereka bermain *online gaming*. Kawalan ibu bapa yang minimal terhadap ketagihan anak-anak ini menjadi faktor isu ketagihan *gaming* telah meningkat di kalangan pemuda Korea Selatan. Kajian ini menyarankan peranan ibu bapa perlu ditegaskan lagi untuk mengatasi isu ketagihan ini. Isu ketagihan internet ini bukan satu masalah dalam negara tetapi masalah di peringkat global yang dihadapi akibat perkembangan ICT. Tambahan lagi, kajian-kajian lepas mengenai kawalan sosial ibu bapa iaitu hubungan didikan ibu bapa atau *parental* dengan risiko ketagihan internet menunjukkan terdapat hubungan positif. Oleh yang demikian, dapat dikatakan ibu bapa memainkan peranan penting dalam mengatasi risiko ketagihan internet dalam kalangan anak-anak mereka. Oleh itu, kajian ini telah mengkaji tentang pengetahuan dan pemahaman ibu bapa tentang media sosial untuk mengatasi isu ketagihan internet dengan melakukan kawalan sosial ke atas anak mereka.

DEFINISI KONSEP

KAWALAN SOSIAL

Menurut Cohen (1985:3) kawalan sosial ialah tindak balas yang dianjurkan terhadap tindak jenayah, kenakalan dan bentuk tingkah laku yang menyimpang atau bermasalah sosial yang sebenarnya diakui sedemikian, dalam pengertian reaktif dimana, aktor telah dikenal pasti atau dalam keadaan yang proaktif iaitu untuk mengelakkan perbuatan tersebut. Menurut Donald Black (1976:1-2) pula kawalan sosial ialah aspek normatif kehidupan sosial, atau definisi perilaku menyimpang dan tindak balas kepadanya, seperti larangan, tuduhan, hukuman, dan pampasan. Kawalan sosial, dibahagikan kepada dua bentuk iaitu kawalan sosial formal dan kawalan sosial tidak formal. Kawalan sosial formal digunakan untuk mengawal tingkah laku yang tidak dapat dikawal melalui kawalan sosial tidak formal. Kawalan sosial formal diamalkan melalui undang-undang dan peraturan terhadap tingkah laku sosial yang sesat. Kawalan sosial formal dilaksanakan melalui institusi formal seperti kerajaan, perundangan, polis, tentera, majikan dan sebagainya.

Kawalan sosial tidak formal dijalankan tanpa menyatakan undang-undang atau peraturan dalam masyarakat. Kawalan sosial tidak formal ini biasa diamalkan melalui norma, adat, nilai dalam sesebuah masyarakat tetapi ialah berbeza mengikut individu, kumpulan dan masyarakat. Kawalan sosial tidak formal berkesan dalam kumpulan yang kecil seperti rakan-rakan, keluarga, kumpulan kerja dan lain-lain. Dalam masyarakat yang besar dan kompleks, kawalan sosial tidak formal diabaikan (Puja t.th).

Dalam kajian ini, kawalan sosial yang dikaji adalah kawalan tidak formal. Kawalan tidak formal dikaji dari perspektif ibu bapa sebagai pihak yang menjalankan kawalan tidak formal terhadap anak-anak mereka dalam mengawal penggunaan media sosial melalui faktor yang mempengaruhi kawalan sosial mereka.

PEMAHAMAN

Menurut Bloom(dlm Usman 2012) istilah pemahaman ialah untuk memasukkan objektif, tingkah laku, atau tindak balas yang mewakili pemahaman mesej literal yang terkandung dalam komunikasi. Pemahaman menurut Sadiman (1946) adalah suatu kemampuan seseorang dalam

mengartikan, menafsirkan, menterjemahkan, atau menyatakan sesuatu dengan caranya sendiri tentang pengetahuan yang pernah diterimanya. Menurut Suharsimi (2009) pemahaman (comprehension) adalah bagaimana seorang mempertahankan, membedakan, menduga, menerangkan, memperluas, menyimpulkan, mengeneralisasikan, memberikan contoh, menuliskan kembali dan memperkirakan. Dalam kajian ini, pemahaman ibu bapa tentang kesan positif dan negatif media sosial dikaji. Hubungan kawalan sosial dan pemahaman ibu bapa dari sudut positif dan negatif ini dikaji untuk menentukkan hubungan pemahaman ibu bapa cenderung ke arah kesan positif atau negatif terhadap media sosial.

PENDIDIKAN

Menurut Wan Hassan (2007) pendidikan adalah salah satu agenda besar yang boleh mempengaruhi kualiti dan ketamadunan sesebuah bangsa di dunia. Manusia dianggap mundur sekiranya tiada pendidikan. Individu dan keluarga yang berilmu dan meletakkan ilmu sebagai cara hidup akan lebih mudah membuat satu keputusan yang tepat (dalam. Hussin, t.th). Dalam kajian ini, pendidikan dibahagikan kepada tiga jenis iaitu rendah, menengah dan tinggi. Pendidikan rendah merangkumi tidak bersekolah, PMR dan SPM. Pendidikan menengah ialah STPM, Persijilan dan Diploma. Manakala, pendidikan tinggi ialah Ijazah dan Master.


PENGETAHUAN

Pengetahuan atau *Knowledge* dalam kamus Bahasa English Cambridge pengetahuan dertiikan sebagai pemahaman atau maklumat mengenai subjek yang diperolehi dengan pengalaman atau pembelajaran, sama ada diketahui oleh satu orang atau semua orang secara umum (Cambridge t.th). Pengetahuan merupakan domain yang sangat penting dalam membentuk tindakan seseorang (*overt behavior*). Dari pengalaman dan penelitian didapati bahawa perilaku yang didasari oleh pengetahuan akan lebih kekal daripada perilaku yang tidak didasari oleh pengetahuan (Notoadmojo 2003). Dalam kajian ini, pengetahuan tentang ibu bapa terhadap penglibatan anak-anak dalam media sosial dikaji. Pengetahuan ini akan diukur bagi mengetahui tahap pengetahuan ibu bapa tentang aktiviti anak-anak untuk menentukkan tahap pengetahuan ibu bapa terhadap penggunaan media sosial oleh anak-anak mereka.

MEDIA SOSIAL

Media sosial ialah internet atau aplikasi telefon berasaskan selular dan alat-alat untuk berkongsi maklumat dikalangan rakyat. Media sosial termasuk laman web rangkaian popular, seperti *Facebook*, *Twitter* dan forum dimana aspek kehadiran interaktif yang membolehkan individu keupayaan untuk melibatkan diri dalam perbualan dengan satu sama lain, sering sebagai perbincangan mengenai *blog post* tertentu, artikel, berita, atau peristiwa (Business t.th). Media sosial ialah laman web dan aplikasi yang membolehkan pengguna untuk berkongsi kandungan atau untuk mengambil bahagian dalam rangkaian sosial (Oxford t.th). Media sosial dalam kajian ini ialah suatu medium yang membolehkan individu yang berada di tempat berlainan dapat berkomunikasi. Media sosial seperti *Facebook*, *Istagram*, *Twitter*, *Online gaming* yang juga membolehkan seorang individu berkomunikasi dengan individu lain melalui permainan seperti *Dota*, *Farm vill* dan sebagainya juga dikaji dalam kajian ini.

KEPUTUSAN KAJIAN



RAJAH 2. Umur kanak-kanak yang aktif menggunakan internet

Merujuk Rajah 2, umur kanak-kanak yang menggunakan internet melalui gajet moden seperti telefon pintar dan komputer. Seorang responden mempunyai sekurang-kurangnya dua orang anak daripada tiga skala umur berbeza. Hasil dapatan kajian mendapati majoriti kanak kanak yang menggunakan internet adalah dalam lingkungan umur 11 hingga 14 tahun dan 15 hingga 18 tahun. Ini menunjukkan kanak-kanak antara umur 11 tahun hingga 18 tahun lebih kerap menggunakan internet berbanding kanak-kanak berumur 7 hingga 10 tahun.

Merujuk Jadual 1, analisis ujian korelasi Spearman menunjukkan bahawa perhubungan

JADUAL 1 Keputusan Hasil Kajian Hubungan Pemahaman Positif Ibu Bapa dengan Kawalan Sosial

	Korelasi	Kawalan Sosial	Pemahaman Positif
Kawalan Sosial	Pekali korelasi	1.000	.324**
	Sig. (2-tailed)	.	.001
	N	100	100
Pemahaman Positif	Pekali korelasi	.324**	1.000
	Sig. (2-tailed)	.001	.
	N	100	100

antara pemahaman positif media sosial dan kawalan ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media sosial tidak signifikan ($r = .32$, $p > .05$). Hipotesis nol iaitu tidak terdapat hubungan signifikan antara pemahaman positif dengan kawalan sosial ibu bapa gagal ditolak. Ini kerana, keputusan analisis mendapatkan tidak terdapat perhubungan antara pemahaman positif media sosial dan kawalan ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media sosial. Pemahaman yang ke arah positif tentang media sosial mungkin menyebabkan ibubapa tidak tegas dalam mengenakan tindakan kawalan terhadap anak-anak mereka penggunaan media sosial.

Berdasarkan Jadual 2, keputusan analisis ujian korelasi spearman menunjukkan bahawa perhubungan antara pemahaman negatif media sosial dan kawalan ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media sosial signifikan ($r = .54$, $p > .05$). Hipotesis alternatif iaitu terdapat hubungan signifikan antara pemahaman negatif dengan kawalan sosial diterima. Ini kerana, keputusan spearman mendapatkan terdapat perhubungan antara pemahaman negatif media sosial dan kawalan ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media sosial. Perhubungan yang positif ini menunjukkan pemahaman ibu bapa terhadap media sosial yang lebih ke arah negatif menyebabkan ibu bapa mengenakan tindakan kawalan yang ketat terhadap anak-anak mereka dalam menggunakan media sosial.

Berdasarkan Jadual 4.3, hasil analisis dapatan kajian jadual silang antara cara kawalan ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media sosial dengan faktor tahap pendidikan. Analisis ini menunjukkan terdapat perbezaan pendapat dalam cara kawalan terhadap anak-anak dalam menggunakan media sosial dengan tahap pendidikan ibu bapa. Tahap pendidikan tinggi mempunyai peratusan tertinggi dalam kebanyakan item manakala, tahap pendidikan menengah mempunyai peratusan tertinggi dan terendah dalam item yang dianalisis. Berbeza dengan tahap pendidikan rendah tidak menunjukkan peratusan yang tertinggi dalam mana-mana item yang dianalisis dalam kajian ini.

Berdasarkan Jadual 3, hasil analisis dapatan kajian jadual silang antara cara kawalan ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media sosial dengan faktor tahap pendidikan.

Bagi item satu iaitu, saya mengintip aktiviti sosial anak saya di media sosial menunjukkan hanya 57.1 peratus responden yang tahap pendidikan rendah setuju dengan item satu manakala untuk tidak pasti dan tidak setuju dengan item satu menunjukkan peratusan yang sama iaitu 21.4 peratus masing-masing. Bagi responden yang tahap pendidikannya menengah menunjukkan 78.9 peratus setuju dan 21.1 peratus tidak pasti dengan item satu manakala tiada responden yang berpendapat tidak setuju. Responden berpendidikan tinggi mencatatkan 92 peratus yang setuju manakala untuk tidak pasti dan tidak setuju dengan item satu menunjukkan nilai

JADUAL 2 Keputusan Hasil Kajian Hubungan Pemahaman Negatif Ibu Bapa dengan Kawalan Sosial

	Korelasi	Kawalan Sosial	Pemahaman Positif
Kawalan Sosial	Pekali korelasi	1.000	.544**
	Sig. (2-tailed)	.	.000
	N	100	100
Pemahaman Negatif	Pekali korelasi	.544**	1.000
	Sig. (2-tailed)	.001	.
	N	100	100

JADUAL 3 Kecenderungan tahap pendidikan ibu bapa dengan kawalan sosial

No	Item-Item Soal Selidik	Tahap Pendidikan								
		Rendah			Menengah			Tinggi		
		1	2	3	1	2	3	1	2	3
1	Saya mengintip aktiviti sosial anak saya di media sosial	21.4	21.4	57.2	0	21.1	78.9	4	4	92
			100			100			100	
2	Saya mempunyai peraturan menggunakan media sosial di rumah	8.9	25	66.1	0	10.5	89.5	0	4	96
			100			100			100	
3	Saya hanya membenarkan anak saya membuka akaun media sosial dengan kebenaran saya	14.3	12.5	73.2	0	15.8	78.9	4	4	92
			100			100			100	
4	Sering membawa anak-anak melakukan aktiviti luar rumah atau beriadah	17.9	5.4	76.8	5.3	10.5	84.2	0	12	88
			100			100			100	
5	Membeli data plan internet yang terhad. Contoh: 1 GB-1bulan	19.6	14.3	66.1	10.5	21.1	68.4	20	24	56
			100			100			100	
6	Mempunyai bajet bulanan untuk membeli data internet. (Contoh: RM 30-1 bulan)	25	12.5	62.5	5.3	21.1	73.7	20	16	64
			100			100			100	
7	Mengawal aktiviti media sosial anak-anak melalui software penapisan internet	23.2	35.7	41.1	0	47.4	52.6	8	36	56
			100			100			100	

peratusan yang sama iaitu hanya empat peratus masing-masing.

Item dua, saya mempunyai peraturan menggunakan media sosial di rumah menunjukkan responden yang pendidikan tinggi mempunyai peratus tertinggi iaitu 96 peratus diikuti 89.5 peratus responden yang pendidikan menengah dan 66.1 peratus berpendidikan rendah yang bersetuju dengan item dua. Manakala untuk pernyataan tidak setuju, responden berpendidikan rendah adalah 8.9 peratus berbeza dengan responden yang berpendidikan tinggi dan berpendidikan menengah tiada.

Peratusan unik dapat dilihat dalam item tiga, saya hanya membenarkan anak saya membuka akaun media sosial dengan kebenaran saya iaitu 92 peratus responden berpendidikan tinggi (Ijazah dan sarjana), 84.2 peratus responden berpendidikan menengah (STPM/Diploma/Sijil) dan 73.2 peratus responden berpendidikan rendah (tidak bersekolah/PMR/SPM) bersetuju dengan item tersebut. Hanya 14.3 peratus responden berpendidikan rendah tidak setuju dengan item tiga diikuti dengan tahap pendidikan menengah tiada responden menyatakan tidak setuju. Empat peratus responden yang berpendidikan tinggi tidak setuju dengan item tiga.

Berdasarkan, menetapkan anak-anak menggunakan media sosial pada waktu tertentu sahaja, responden yang berpendidikan tinggi iaitu

96 peratus setuju dengan pernyataan tersebut berbanding hanya 89.5 peratus dan 76.8 peratus responden yang berpendidikan menengah dan rendah yang setuju dengan item tersebut. Manakala, responden yang tidak setuju dan tidak pasti untuk item empat berdasarkan tahap pendidikan menunjukkan responden pendidikan tinggi tidak setuju hanya 12 peratus dan tidak pasti adalah lapan peratus berbanding responden yang berpendidikan rendah iaitu 14.3 peratus tidak setuju dan 16.1 peratus tidak pasti berbeza dengan responden pendidikan menengah menyatakan 5.3 peratus tidak setuju dan 10.5 peratus tidak pasti dengan item empat. Sering membawa anak-anak melakukan aktiviti luar rumah atau beriadah mencatatkan peratusan yang tinggi dalam kalangan responden berpendidikan tinggi iaitu 88% yang setuju manakala, tiada responden yang berpendidikan tinggi menyatakan tidak bersetuju. Bagi responden yang berpendidikan menengah, 84.2 peratus setuju dan 10.5% tidak pasti berbanding 5.3 peratus tidak bersetuju dengan item empat. Respondent berpendidikan rendah, sebanyak 76.8 peratus setuju berbanding 17.9 peratus berpendidikan tidak setuju.

Berdasarkan, item lima iaitu membeli data plan internet yang terhad (contoh:1 GB-1 bulan) responden berpendidikan menengah menunjukkan peratusan paling tinggi setuju iaitu 68.4 peratus diikuti responden berpendidikan rendah sebanyak

66.1 peratus dan peratusan paling rendah dicatatkan oleh responden yang tahap pendidikan tinggi iaitu hanya 56. peratus. Hanya 19.6 peratus berpendidikan rendah tidak setuju dengan item lima. Manakala, responden yang berpendidikan menengah sebanyak 10.5 tidak peratus setuju dan tidak pasti mencatatkan peratusan tinggi iaitu 21.1 peratus untuk item 13. Responden berpendidikan tinggi yang menunjukkan peratusan tinggi iaitu 20 peratus tidak setuju dan 24 peratus tidak pasti.

Item enam, mempunyai bajet bulanan untuk membeli data internet (contoh: RM30-1 bulan) iaitu 73.75 peratus responden berpendidikan menengah (STPM/Diploma/Sijil) bersetuju berbanding 64 peratus responden yang berpendidikan tinggi (Ijazah dan sarjana) dan 62.5 peratus responden berpendidikan rendah (tidak bersekolah/PMR/SPM) yang bersetuju dengan item tersebut. 21.1 peratus responden berpendidikan menengah tidak pasti dan hanya 5.3 peratus tidak setuju dengan item enam diikuti dengan responden berpendidikan tinggi yang tidak setuju ialah 20 peratus dan 16 peratus berpendapat tidak pasti. Responden yang berpendidikan rendah mencatatkan 25 peratus untuk tidak setuju dan 12.5 peratus untuk tidak pasti bagi item enam.

Bagi item tujuh iaitu, mengawal aktiviti media sosial anak-anak melalui software penapisan internet menunjukkan peratusan yang sangat rendah dalam ketiga-tiga tahap pendidikan. 56 peratus responden yang tahap pendidikan tinggi setuju dengan item tujuh manakala 36 peratus dan lapan peratus responden berpendidikan tinggi, tidak pasti dan tidak setuju dengan item tujuh. Bagi responden yang tahap pendidikannya menengah 52.6 peratus setuju dan 47.4 peratus tidak pasti dengan item tujuh. Responden berpendidikan rendah mencatatkan 41.1 peratus yang setuju berbanding 35.8 peratus tidak pasti manakala 23.2 peratus tidak setuju dengan item tujuh.

Secara keseluruhannya, tahap pendidikan sememangnya mempengaruhi cara kawalan ibu bapa terhadap anak-anak mereka dalam penggunaan media sosial. Hal ini dapat dilihat dalam analisis jadual silang juga menunjukkan ibu bapa yang berpendidikan tinggi membenarkan anak-anak mereka menggunakan media sosial dengan bebas tetapi cenderung mengawal anak-anak menggunakan media sosial dari segi kawalan masa dan peraturan seperti menetapkan *privacy setting*, peraturan menggunakan media sosial, menetapkan masa yang sesuai menggunakan media sosial dan mereka menggunakan perisian penapisan

internet. Manakala, kawalan sosial yang dilakukan oleh ibu bapa yang berpendidikan menengah pula berbeza dengan mereka yang berpendidikan tinggi kerana mereka lebih memilih untuk mengawal penggunaan media sosial anak-anak mereka dengan mengehadkan kebebasan anak-anak mereka.

Mereka lebih cenderung mengawal anak-anak mereka dengan menetapkan bajet atau perbelanjaan untuk membeli internet itu sendiri agar anak-anak hanya menggunakan internet untuk aktiviti-aktiviti yang penting sahaja. Responden berpendidikan rendah pula kurang bersetuju dengan beberapa item berbanding responden yang berpendidikan tinggi dan menengah. Ini kerana, responden berpendidikan rendah tidak cenderung terhadap mana-mana cara kawalan sosial tertentu sebaliknya mereka berpendapat beberapa cara kawalan sosial tidak sesuai untuk dijalankan dalam mengawal anak-anak dalam penggunaan media sosial.

PERBINCANGAN

Isu ketagihan internet dalam kalangan kanak-kanak telah meningkat. Namun, isu ketagihan ini dapat diatasi dengan adanya kawalan sosial ibu bapa. Maka, kajian ini mengkaji sejauhmana pengetahuan, pemahaman dan tahap pendidikan ibu bapa mempengaruhi kawalan sosial ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media sosial. Keputusan kajian mendapati (1) ibu bapa mempunyai pengetahuan terhadap penglibatan anak-anak di media sosial dan pengetahuan ibu bapa tentang penglibatan anak-anak menentukan kawalan sosial ibu bapa (2) tidak terdapat hubungan antara pemahaman positif ibu bapa terhadap media sosial dengan kawalan sosial, (3) terdapat hubungan antara pemahaman negatif ibu bapa terhadap media sosial dengan kawalan sosial, (4) tahap pendidikan menentukan kawalan sosial ibu bapa.

Ibu bapa mempunyai tahap pengetahuan tinggi tentang penglibatan anak-anak mereka di media sosial. Lebih 94 peratus ibu bapa mempunyai pengetahuan tentang aktiviti anak-anak di media sosial. Ibu bapa mengetahui jenis laman sosial yang digunakan oleh anak-anak mereka. Malah, ibu bapa turut mengetahui aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh anak-anak mereka di media sosial.

Golongan ibu bapa mempunyai pengetahuan tentang aktiviti anak-anak di media sosial adalah disebabkan ibu bapa juga sangat aktif dalam media sosial dan mereka mempunyai pengalaman serta

pengetahuan tentang media sosial. Ibu bapa didapati memiliki sekurang-kurangnya satu akaun media sosial yang membolehkan mereka mengetahui tentang aktiviti anak-anak mereka di media sosial. Ibu bapa juga mempunyai pengetahuan tentang bilangan hari yang dihabiskan oleh anak-anak mereka dalam seminggu untuk melayari media sosial. Ibu bapa kini sangat peka terhadap penggunaan media sosial oleh anak-anak mereka yang membolehkan mereka mengetahui setiap aktiviti yang dilakukan oleh anak-anak.

Selain itu, kecenderungan antara tahap pengetahuan ibu bapa dengan kawalan sosial menunjukkan ibu bapa yang mempunyai pengetahuan tentang penglibatan anak-anak di media sosial tidak mengenakan kawalan yang tegas ke atas penggunaan media sosial oleh anak mereka. Ini kerana, ibu bapa yang mempunyai pengetahuan tinggi tentang aktiviti anak-anak sentiasa peka tentang penglibatan media sosial anak-anak mereka. Hal ini, berbeza dengan ibu bapa yang tidak mengetahui apa-apa perkara yang dilakukan oleh anak-anak di media sosial. Ini kerana, ibu bapa yang mempunyai pengetahuan rendah tentang penglibatan anak-anak lebih cenderung menetapkan kawalan sosial yang tinggi ke atas anak-anak mereka. Keseluruhan kajian mendapati, semakin tinggi pengetahuan ibu bapa tentang penglibatan anak-anak di media sosial, semakin rendah kawalan sosial ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Manakala, semakin rendah pengetahuan ibu bapa tentang penglibatan anak-anak di media sosial, semakin tinggi kawalan sosial ibu bapa terhadap anak-anak mereka.

Pemahaman positif ibu bapa terhadap media sosial dengan kawalan sosial ibu bapa tidak mempunyai korelasi. Ibu bapa yang mempunyai pemahaman atau pendapat yang positif terhadap penggunaan media sosial kurang mengaplikasikan kawalan sosial terhadap anak-anak mereka dalam menggunakan media sosial. Semakin tinggi pemahaman positif ibu bapa terhadap media sosial, semakin kurang kawalan sosial terhadap anak-anak mereka dalam menggunakan media sosial. Manakala, terdapat korelasi antara pemahaman negatif ibu bapa terhadap media sosial dengan kawalan sosial ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media sosial. Ibu bapa yang berpendapat media sosial hanya membawa impak yang negatif terhadap kehidupan sosial anak-anak mereka cenderung untuk mengawal penggunaan media sosial anak-anak mereka. Ibu bapa akan menetapkan dan menjalankan kawalan sosial yang

sesuai untuk meminimumkan anak-anak mereka aktif menggunakan media sosial. Semakin tinggi pemahaman negatif ibu bapa terhadap media sosial, semakin tinggi kawalan sosial ibu bapa terhadap anak-anak.

Selain itu, tahap Pendidikan juga mempengaruhi kawalan sosial ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media sosial. Ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi menjalankan kawalan sosial yang ketat dari segi penggunaan media sosial sahaja iaitu mereka membenarkan anak-anak menggunakan media sosial dengan bebas tetapi mereka ini lebih cenderung mengawal anak-anak menggunakan media sosial dari segi kawalan teknikal, masa dan peraturan seperti menggunakan perisian penapisan internet, menetapkan *privacy setting*, peraturan menggunakan media sosial dan menetapkan masa yang sesuai menggunakan media sosial. Ini berbeza dengan kawalan sosial yang dilakukan oleh ibu bapa yang berpendidikan menengah pula berbeza dengan mereka yang berpendidikan tinggi kerana mereka lebih memilih untuk mengawal penggunaan media sosial anak-anak mereka dengan mengehadkan kebebasan anak-anak mereka. Mereka menetapkan kata laluan untuk mengakses internet, memantau aktiviti anak di media sosial dan lebih cenderung mengawal anak-anak mereka dengan menetapkan bajet atau perbelanjaan untuk membeli internet itu sendiri agar anak-anak hanya menggunakan internet untuk aktiviti-aktiviti yang penting sahaja. Manakala, kawalan sosial dalam golongan ibu bapa yang berpendidikan rendah tidak cenderung terhadap mana-mana cara kawalan sosial tertentu sebaliknya mereka berpendapat beberapa cara kawalan sosial tidak sesuai untuk dijalankan dalam mengawal anak-anak dalam penggunaan media sosial. Namun begitu, ibu bapa berpendidikan rendah memilih kawalan masa lebih sesuai dijalankan terhadap anak-anak mereka dan anak-anak harus meluangkan masa dengan menjalankan aktiviti lain yang lebih baik atau penting daripada menggunakan media sosial. Tahap pendidikan rendah menyebabkan mereka masih kurang pemahaman terhadap kebaikan dan keburukan penggunaan media sosial yang menyebabkan mereka tidak menekankan kawalan sosial yang tinggi terhadap anak-anak dalam penggunaan media sosial yang menyebabkan anak-anak mereka lebih bebas menggunakan media sosial tanpa kawalan sosial. Tahap pendidikan ibu bapa amat mempengaruhi kawalan sosial ibu bapa terhadap anak-anak dalam menggunakan media sosial. Secara keseluruhannya, ibu bapa mempunyai

pengetahuan terhadap penglibatan anak mereka di media sosial. Pengetahuan, pemahaman dan tahap pendidikan ibu bapa mempengaruhi kawalan sosial ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media sosial.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kawalan ibu bapa dalam penggunaan media sosial dipengaruhi oleh pengetahuan, pemahaman dan tahap pendidikan ibu bapa. Ibu bapa yang mempunyai kekurangan dalam aspek ini akan menghadapi masalah untuk menjalankan kawalan terhadap anak-anak mereka secara efektif. Justeru itu, pengetahuan, pemahaman dan pendidikan ibu bapa amat penting dalam meningkatkan kawalan sosial ibu bapa yang seterusnya dapat mengurangkan masalah ketagihan media sosial dalam kalangan anak-anak. Kawalan sosial ibu bapa amat penting untuk mengawal anak-anak mereka daripada menghadapi masalah ketagihan media sosial. Kajian lepas, mendapati ibu bapa yang mengambil berat tentang pendidikan atau memantau aktiviti anak-anak di internet tidak mempengaruhi anak-anak daripada menghadapi masalah ketagihan internet. Tetapi didikan yang tegas di rumah mampu mengatasi isu ini. Semakin tegas cara didikan ibu bapa, semakin kurang remaja menghadapi masalah ketagihan internet (Leung and Lee 2012). Kawalan sosial ibu bapa hanya satu cara efektif yang dapat mengurangkan masalah ketagihan media sosial dalam kalangan anak-anak. Namun, kawalan sosial hanya dapat ditingkatkan atau dibentuk melalui kefahaman ibu bapa terhadap masalah ketagihan ini.

Sehubungan dengan itu, kempen atau usaha-usaha untuk meningkatkan pengetahuan ibu bapa terhadap media sosial dan masalah ketagihan media sosial ini perlu dijalankan oleh agensi-agensi yang berkepentingan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Cyber Security Malaysia. Agensi ini memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat tentang ketagihan internet kepada golongan ibu bapa. Pendidikan tentang masalah ketagihan media sosial dalam kalangan generasi muda juga perlu ditekankan agar mereka mengetahui tentang masalah ketagihan media sosial. Usaha tersebut membolehkan ibu bapa mengawal anak-anak mereka dan isu ketagihan media sosial dan dapat ditangani segera daripada menjadi satu masalah besar kepada Malaysia.

PENGHARGAAN

Kami mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan kami dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), yang memberikan pandangan dan kepakaran yang sangat membantu penyelidikan.

RUJUKAN

- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2011. Media penyiaran: Implikasinya dalam pembentukan akhlak penuntut-penuntut melayu di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. *Akademika* 81 (3): 3-8. <http://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/476/4126>.
- Allie Conti. 2015. Gamers Are Dying in Taiwan's Internet Cafes. *Vice*. 21 Jan. https://www.vice.com/en_us/article/znwdmj/gamers-are-dying-intaiwans-internet-cafes-456. Tarikh capaian: 7 Jun 2018.
- Andrew Doan & Brooke Strickland. 2015. Korean Teen Stabs Sister after Playing Violent Video Game. *Hooked on Games*. 17 June. <http://www.hooked-on-games.com/blog/view-articles-in-a-list/131-korean-teen-stabssister-after-playing-violent-video-game.html>. Tarikh capaian: 7 Jun 2018.
- Andrew Salmon. 2010. *Couple*: Internet gaming addiction led to baby's death. *CNN*. 2 April <http://edition.cnn.com/2010/WORLD/asiapcf/04/01/korea.parents.starved.baby/index.html>. Tarikh capaian: 28 May 2016.
- Addiction.com. Types of Internet Addiction Disorders. <http://www.addictions.com/internet>. Tarikh capaian: 28 May 2016.
- Belson, D. 2017. Akamai's [state of the internet] Q1 2017 report. <https://www.akamai.com/fr/fr/multimedia/documents/state-of-the-internet/q1-2017-state-of-the-internet-connectivity-report.pdf>. Tarikh capaian: 7 Jun 2017.
- Bloom.Uzman Firdaus. 2012. *Pengertian Pemahaman*. Scribd. 17 Disember. <https://www.scribd.com/doc/105090744/Pengertian-pemahaman>. Tarikh capaian: 2 Jun 2016.
- Business Dictionary. *Social Media*. <http://www.businessdictionary.com/definition/social-media.html>. Tarikh capaian: 6 Januari 2016.
- Bhagat, G. & Sehgal, M. 2011. The relationship of parental bonding. *Indian Journal of Psychological Science* 2(2): 29-37.
- BBC News. 2005. S Korean Dies after Games Session. 10 Aug. <http://news.bbc.co.uk/2/hi/technology/4137782.stm>. Tarikh capaian: 7 Jun 2018.
- Bernama. 2015. Parlimen: Lebih 20.1 Juta Pengguna Internet Dalam Negara. http://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=9505:2015-10-2808-38

- 19&catid=118:beritaterkini&Itemid=254&lang=ms. Tarikh capaian: 26 November 2015.
- Cambridge Dictionary Online. *Knowledge*. <http://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/knowledge>. Tarikh capaian: 16 May 2016.
- Cohen, J. 1985 & Black, D. 1976.
- CNNIC. 2017. "39th Statistical Report on Internet Development in China." *China Internet Network Information Center*, no. January: 144. <http://www1.cnnic.cn/IDR/Report Downloads/201302/P020130221391269963814.pdf>. Tarikh capaian: 23 May 2018.
- Crowcroft, O. 2016. Behind the Great Firewall, China is winning its war against internetFreedom. *Internation Business Times*. 9 May.<http://www.ibtimes.co.uk/behind-great-firewall-china-winning-its-war-against-internetfreedom-1558550>. Tarikh capaian: 8 May 2016.
- Department of Statistics Malaysia. 2018. Ict Use and Access by Individuals and Households Survey Report. Malaysia.
- Department of Statistics Malaysia. 2018. "Department of Statistics Press Release Ict Use and Access By Individuals and Households Survey Report" 19 March 2018, 1-3. [https://doi.org/Unnikrishnan B, Kulshrestha V, Saraf A, Agrahari AC, Prakash S, Samantaray L, et al. Pattern of computer and internet use among medical students in Costal South India. S East Asian J Med Educ. 2008;2:18–25. \[Ref list\].](https://doi.org/Unnikrishnan B, Kulshrestha V, Saraf A, Agrahari AC, Prakash S, Samantaray L, et al. Pattern of computer and internet use among medical students in Costal South India. S East Asian J Med Educ. 2008;2:18–25. [Ref list].)
- Dr.Lee. 2016. South Korea Special- Internet Gaming Shutdown Law aka "Cinderella Curfew.CGI Clinic. 18 July. <http://cgiclinic.com/south-korea-special-shutdown-law-aka-cinderella-curfew/>. Tarikh capaian: 7 May 2016.
- Gadgets360. 2014. Japan to Open First Virtual School for Internet-Addicted. Teens. 1 Dis. <http://gadgets.ndtv.com/internet/news/japan-to-open-first-virtual-school-for-internet-addicted-teens-628342>. Tarikh capaian: 23 May 2016.
- Hashimoto Yoshiaki. 2013. Bound by the Web: Internet Addiction in Japan. *Nippon.com*. 9 Dis.<https://www.nippon.com/en/currents/d00102/>. Tarikh capaian: 7 Jun 2018.
- Internet Addiction Prevention Centre (IAPC).2016. Director Greetings about Center. <https://www.iapc.or.kr/english/aboutcenter/GreetingsDirector.do> Tarikh capaian: 7 May 2016.
- Kalaitzaki, A. E., and Birtchnell, J. 2014. The impact of early parenting bonding on young adults' internet addiction, through the mediation effects of negative relating to others and sadness. *Addictive Behaviors* 39 (3): 733-36. <https://doi.org/10.1016/j.addbeh.2013.12.002>.
- Lee, C. and Kim, O. 2017. Predictors of Online Game Addiction among Korean Adolescents. *Addiction Research and Theory* 25 (1): 58–66. <https://doi.org/10.1080/16066359.2016.1198474>.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). 2014. "Kajian Penduduk Dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM5) 2014."
- Leung, L. and Paul S.N. Lee. 2012. The influences of information literacy, internet addiction and parenting styles on internet risks. *New Media and Society* 14 (1): 117–36. <https://doi.org/10.1177/1461444811410406>.
- Malaysian Communications and Multimedia Commission. 2017. "Internet Users Survey 2017 Statistical Brief Number Twenty-One," 1–51. <http://www.mcmc.gov.my>.
- Malaysian Communications and Multimedia Commission Malaysia. 2015. "Internet Users Survey 2014."
- Martin Innes. 2003. *Understanding Social Control*. UK: Bell & Bain, Glasgow.
- Notoadmojo. 2003. University Sumatera Utara. Bab 2. Tinjauan Pustaka. <http://repository.usu.ac.id/bitstream/123456789/31811/4/Chapter%20IIpdf>. Tarikh capaian: 25 November 2016.
- Newzoo. 2017. The South Korean Gamer Key Consumer Insights. 7 Jun.<https://newzoo.com/insights/infographics/the-south-korean-gamer-2017/>. Tarikh capaian: 7 Jun 2018.
- Oxford dictionaries. *Social Media*. <http://www.oxforddictionaries.com/definition/english/social-media>. Tarikh capaian: 6 Jun 2016.
- Puja Modal. T.th. Forms of Social Control: Informal and Formal Social Control. <http://www.yourarticlelibrary.com/sociology/social-control/forms-of-social-control-informal-and-formal-social-control/31297/>. Tarikh capaian: 6 Jun 2016.
- Parmjit Singh, Chan Yuen Fook, Gurnam Kaur & Ranjit Kaur. 2012. Penulisan Cadangan Penyelidikan Shah Alam: Uitm.
- Paul Gaita. 2015. Chinese Teen Cuts off Hand to Cure Internet Addiction. The Fix. 2 April.<https://www.thefix.com/content/chinese-teen-cuts-hand-cure-internet-addiction>. Tarikh capaian: 7 Jun 2018.
- RedHerring. 2015. Five of China's Biggest Social Media Giants. 11 May. <http://www.redherring.com/startups/five-chinas-biggest-social-media-giants/>. Tarikh capaian: 8 May 2016.
- Simon K. 2016. Digital in 2017. We Are Social. 16 Feb. <https://wearesocial.com/special-reports/digital-southeast-asia-2017>. Tarikh capaian: 20 April 2018.
- Shosh Shlam & Hilla Medalia. 2014. China's Web Junkie. Video dokumentari. The New York Times. 19 Jan. http://www.nytimes.com/2014/01/20/opinion/chinas-web-junkies.html?_r=4. Tarikh capaian: 8 May 2016.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. 2014. Internet Users Survey 2014. Cyberjaya,Selangor.
- Soh. Patrick Chin-Hooi., Charlton. John P., Chew. Kok-Wai. The influence of parental and peer attachment

- on Internet usage motives and addiction. *First Monday. University of Illinois.*
<http://journals.uic.edu/ojs/index.php/fm/article/view/5099>. doi:<https://doi.org/10.5210/fm.v19i7.5099>. Tarikh capaian: 23 May 2016.
- Surharsimi. 2009. Ahmad Chusaini, Faridah Hanum & MI Ma'arif Candi. Upaya Peningkatan Pemahaman Siswa pada Materi Sejarah Kebudayaan Islam melalui Contextual Teaching and Learning di Kelas VB MI Ma'arif Candi. *Jurnal penelitian Tindakan Kelas Pendidikan Agama Islam*: 23-38. file:///C:/Users/User/Downloads/9-22-1-PB.pdf. Tarikh capaian: 2 Jun 2016.
- Sadiman. 1946. Ahmad Chusaini, Faridah Hanum & MI Ma'arif Candi. Upaya Peningkatan Pemahaman Siswa pada Materi Sejarah Kebudayaan Islam melalui Contextual Teaching and Learning di Kelas VB MI Ma'arif Candi. *Jurnal penelitian Tindakan Kelas Pendidikan Agama Islam*:23-38. file:///C:/Users/User/Downloads/9-22-1-PB.pdf. Tarikh capaian: 2 Jun 2016.
- The Japan Times. 2012. Gaming Addictions Getting Worse. 4 Nov.
http://www.japantimes.co.jp/opinion/2012/11/04/editorials/gaming-addictions-getting_worse/#.V0MDdOTQoWP. Tarikh capaian: 23 May 2016.
- The Japan Times. 2013. Net Addiction a Growing Problem. 2 Sep.
<http://www.japantimes.co.jp/opinion/2013/09/02/editorials/net-addiction-a-growing-problem/#.V0MDdeTQoWP> Tarikh capaian: 23 May 2016.
- Tracy you. 2018. Gamer is paralysed from the waist down following a nonstop 20-hour interne cafe binge. Mail Online. 31 Jan.
<http://www.dailymail.co.uk/news/article-5335353/Gamer-paralysed-waist-20-hour-binge.html>. Tarikh capaian: 7 Jun 2018.
- Ucky. 2016. Internet Addiction: Rehab Camp for South Korea's Youth.
 Internet Addiction: Rehab Camps For South Korea's Youth – UCKYA Tarikh capaian: 6 May 2016.
- Victor, C.S., Barbara, J.W & Amy, B.J. 2014. Children, adolescents and the Media. America: Sage Publications Inc. Tarikh capaian: 2 Jun 2016.
- Wan Hassan 2007. Hussin Bin Sarju, Rohana Binti Hamzah & Amirmudin Bin Udin. Pendidikan: Matlamat Dan Fungsinya. http://eprints.utm.my/14919/1/Pendidikan_-_eprint4.pdf. Tarikh capaian: 2 Jun 2016.
- Yuen., May Lee & Clarissa Say. 2018. Our teens are bullies. *The Star Online*. 18 Mar.
<https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/03/18/behaving-badly-in-cyberspace-malaysian-teens-more-likely-to-be-cyberbullies-than-victims-says-study/> Tarikh capaian: 7 Jun 2018
- Zakiyah & Ismail. 2004. Ikatan dan kawalan ibu bapa terhadap tingkah laku delinkuens. *Ikatan Dan Kawalan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Delinkuens* 10.<http://repo.uum.edu.my/id/eprint/1832>.
- Suhaniya Kalaisilven (Corresponding author)
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 Bangi, Selangor, Malaysia
 Email: suhajun@gmail.com
- Fauzi Sukimi
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 Bangi, Selangor, Malaysia
 Email: fauzi@ukm.edu.my

Received: 17 Jun 2018

Accepted: 14 Februari 2019